



Myrza Fasha kongsi pengalaman ekspedisi Everest

Warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) berpeluang berkongsi pengalaman dengan pendaki Ekspedisi Projek Everest FELDA 2013 iaitu saudari Myrza Fasha Md Hamyruddin, 25 dalam program 'Ayuh Menuju Everest'.

Program anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (SAFFAD) itu diadakan di Dewan Tun Fatimah, Kompleks Pentadbiran UMP Kampus Gambang pada 21 November 2013 yang lalu.

Ekspedisi yang dianjurkan Kelab Eklorasi 7 Benua Malaysia (KE7B) dengan kerjasama Majlis Belia Felda dan Felda Global Venture Holding (FGVH) itu mencatat sejarah apabila Myrza Fasha Md Hamyruddin yang merupakan pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) UMP, berjaya menawan gunung tertinggi di dunia itu.

Beliau yang berasal dari Felda Tersang 3 Raub, Pahang bersama ketua pasukannya, Siti Hanisah Sharuddin, 23 dari Felda Jelai 1, Gemas, Negeri Sembilan disertai lima pendaki lain.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, cabaran, pengalaman dan liku-liku yang telah dilalui oleh kumpulan pendaki ini merupakan manifestasi kegigihan dan ketahanan anak muda Malaysia yang boleh menjadi inspirasi kepada warga mahasiswa universiti ini.

"Kehadiran Myrza bersama dua jurulatih dalam sesi perkongsian pengalaman ini tidak sekadar menggambarkan cabaran fizikal, tapi lebih dari itu. Malah, menduga keupayaan mental untuk tidak sekadar memulakan pendakian, tetapi yang lebih penting, menyudahkan pendakian itu hingga

ke puncaknya, dan berjaya pula turun ke pangkalan dengan selamat.

"Kejayaan ini pastinya diiringi dengan semangat dan usaha bersungguh-sungguh demi menggalas tanggungjawab yang diamanahkan untuk mencapai kecemerlangan," katanya yang turut mengingatkan tetamu tentang 'everest' atau cita-cita yang hendak dicapai dalam setiap individu.

Bagi Myrza yang juga pernah dinobatkan penerima Anugerah Khas Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) sempena Hari Kokurikulum 2013 berkata, semuanya bermula apabila beliau berpeluang menemui pendaki wanita pertama Malaysia, Marina Ahmad yang ditemuinya sewaktu program UMP dalam menjalani latihan menawan Puncak Kinabalu anjuran Pusat Sukan dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (SAFFAD) pada tahun lalu.

"Hasrat untuk menawan puncak tertinggi dunia, Gunung Everest dipendam sehinggalah beliau berjaya dalam temu duga dan melepasi semua saringan serta terpilih sebagai salah seorang pendaki dalam menggalas harapan dalam mengharumkan nama Malaysia bagi merealisasikan Ekspedisi Projek Everest FELDA 2013 ini," katanya.

Beliau yang juga aktif dalam sukan dan aktiviti anjuran T-Rex UMP turut berterima kasih atas sokongan semua pihak dan berkat restu ibu bapanya, Siti Zaunah Mat Tenan, 47 dan Hamyruddin Mohd. Hashim, 55 yang banyak mencetuskan inspirasi kepadanya untuk terus melangkah dalam mencapai misi

sehingga berjaya mencatat sejarah untuk dirinya, keluarga dan negara.

"Persediaan dalam membina ketahanan mental dan fizikal amat penting di samping berdoa kerana pelbagai kemungkinan boleh berlaku akibat cuaca serta keadaan di pergunungan yang berais membahayakan pendaki," katanya yang berkongsi pengalaman yang sungguh mencabar tatkala merentasi cerun jurang ais yang boleh menyebabkan pendaki jatuh sekiranya ais mencair.

Beliau menasihatkan mereka yang berminat dengan aktiviti lasak dan pendakian agar banyakkannya latihan dan stamina fizikal. Kini, dengan kejayaan yang dicapai, Myrza yang berada di semester akhir ini tidak lokek untuk berkongsi pengalaman bersama rakan-rakan lain selain menyertai program kesukarelawanan dan motivasi di kalangan pelajar sekolah.

Dalam majlis ini, Myrza menerima sumbangan wang tunai tiga ribu ringgit daripada UMP yang disampaikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim atas pencapaian cemerlang dalam mengharumkan nama UMP.

Selain itu, sebagai penghargaan UMP turut mengabadikan portret Myrza yang dipamerkan di Galeri UMP sebagai suntikan semangat warga universiti untuk mencipta kejayaan di persada dunia.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, Pendaftar UMP, Haji Mustafa Ibrahim dan Pegawai Belia dan Sukan Kanan, Mohd. Aznorizamin Ismail.